

Tajol Rosli berikrar jalankan tugas dengan baik

KUALA LUMPUR, Khamis — Encik Tajol Rosli bin Tan Sri Ghazali menganggap perlantikannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar satu penghormatan kepada Umno Perak dan golongan belia di negara ini.

Ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) di sini tengah hari ini beliau berkata, perlantikan ini memberi tanggungjawab yang besar kepada saya untuk memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada rakyat terutama kaum belia di luar bandar.

Dalam konteks Umno Perak pula, tambah beliau, ia bermakna satu kepercayaan kepada Perhubungan Umno Perak kerana selama ini mereka mahu lebih ramai anggota Umno menyertai kerajaan.

"Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk memberi sumbangan kepada rakyat," ujarnya.

Encik Tajol Rosli berikrar akan memberi kerjasama kepada Menteri, Datuk Sanusi Jenid untuk kepentingan rakyat, terutama orang Melayu.

"Saya akan memberi sumbangan terutama dalam memastikan kejayaan perusahaan kecil di luar bandar," ujarnya.

Anggota Parlimen kawasan Keningau, Sabah, Encik Ahmad Shah Tembakau yang dilantik Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dalam perubahan kabinet yang diumumkan hari ini merupakan tokoh termuda dalam pentadbiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Encik Ahmad Shah berumur 28 tahun dan masih bujang berkelulusan Sarjana Muda Sains dari Universiti Melbourne, Australia pada tahun 1975.

Beliau berazam akan menyambut sebarang cabaran dalam menjalankan tugasnya di Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Saya akan mengunjungi Kementerian ini esok untuk berkenalan dan mendapatkan penerangan mengenai tugas saya," katanya kepada wartawan selepas upacara mengangkat sumpah di Istana Negara petang ini.

Sungguhpun masih muda, Encik Ahmad Shah mempunyai pengalaman yang agak luas dalam bidang pentadbiran dan politik.

Sebaik saja lulus pengajian di Australia, beliau berkhidmat di Jabatan Ketua Menteri Sabah di Kota Kinabalu.